

**Kolej RISDA perkasasa
pendidikan pertanian**

SERENTAK dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP), Kolej RISDA dengan cogan kata 'Memperkasakan Pendidikan Pertanian' mengorak langkah ke hadapan dengan menawarkan program pengajian akademik dan latihan dalam bidang pertanian untuk komuniti luar bandar bagi mengelakkan mereka tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Bermula sebagai Institut Latihan RISDA (ILR), hari ini Kolej RISDA sudah mampu berdiri sama tinggi dengan institusi pengajian tinggi lain di negara ini dalam mencapai matlamatnya ke arah menjadi Kolej Universiti kelak.

Selepas lebih sedekad, lebih 3,500 graduan telah berjaya menamatkan pengajian dan majoritinya berkhidmat dengan agensi kerajaan, badan berkanun, badan swasta atau menjadi usahawan.

Ini selaras dengan aspirasi Pengurusan Kolej RISDA yang dipengerusikan Datuk Wan Zuki Wan Mohamad supaya para pelajar Kolej RISDA mampu menimba ilmu dari segenap sudut dan seterusnya bersaing ke peringkat global.

Untuk mencapai matlamat memastikan komuniti luar bandar mendapat pendidikan sempurna, penambahbaikan bangunan di kampus induk di Melaka sedang giat dilak-

sanakan bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur lengkap buat semua pelajar.

Di samping memastikan perkembangan pembelajaran setempat dengan kerjasama universiti tempatan, Kolej RISDA turut menjalin hubungan kerjasama dengan universiti-universiti di rantau Asia dan benua Eropah bagi memastikan para pelajarnya mendapat pendedahan dengan suasana pembelajaran di luar negara.

Kerjasama ini juga membolehkan Kolej RISDA membangunkan program ijazah dan ijazah sarjana dalam masa terdekat.

Modul-modul kursus disediakan mengikut keperluan industri serta mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan usaha sama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

